

Bertelur empat kali ganda setahun

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) berjaya menemukan baka baru ayam kampung yang memberikan nilai tambah kepada kegiatan komersial, sama ada untuk daging atau telur sekali gus membantu menampung kekurangan ayam kampung di pasaran berikutan permintaan tinggi.

Pembiakan berkenaan adalah menerusi kacukan antara baka ayam kampung dan ayam hutan yang dinamakan spesies Akar Putra.

Ketua Kumpulan Penyelidikan, Timbalan Pengarah Pusat Transformasi Komuniti UPM (UCTC-UPM), Prof Madya Dr Azhar Kasim berkata, Akar Putra itu mampu menghasilkan 120 hingga 200 biji telur setahun berbanding ayam kampung yang biasanya bertelur sebanyak 50 biji setahun.

"Telur yang dihasilkan lebih besar, mencapai 60 gram sebiji berbanding telur ayam kampung biasa 45 gram selain warna kulit sawo matang. -

"Tempoh pembesaran Akar Putra lebih singkat berbanding ayam kampung biasa iaitu tidak melebihi 13 minggu dan menghasilkan ayam seberat 1.2 hingga 1.4 kilogram seekor," katanya.

Beliau berkata, Akar Putra dikategorikan baka hibrid yang memiliki fizikal berbeza daripada ayam kampung biasa seperti leher tanpa bulu, berkaki panjang, badan yang jinjang dan lebih berisi.

Jelasnya, baka Akar Putra juga mempunyai lebih ketahanan terhadap penyakit terutama sampar.

Dr Azhar memberitahu proses kacukan itu berlaku secara kebetulan, apabila ayam hutan yang berkeliaran di kawasan itu memasuki UPM dan mengawan.

UPM menjalankan penyelidikan bermula 2007 yang memberi tumpuan khusus kepada baka dihasilkan secara semula jadi dan kajian

berjaya menghasilkan induk betina (female parent line) - *Sumber UPM.*

